



# KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

## AKHBAR

- BERITA HARIAN
- UTUSAN MALAYSIA
- HARIAN METRO
- NEW STRAITS TIMES
- THE STAR

24/10/2023

## KES SAMAN TUKAR AGAMA 3 ANAK

### MAIWP, MAIJ dibenar sebagai pencelah

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini membenarkan permohonan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (Maij) untuk menjadi pencelah dalam saman pemula guru tadika M Indira Gandhi bagi mencabar enakmen negeri yang membenarkan penukaran agama kanak-kanak kepada Islam secara unilateral (sebelah pihak).

Hakim Datuk Ahmad Kamal Md Shahid memutuskan demikian selepas mendapati permohonan MAIWP dan Maij mempunyai merit.

Namun hakim menolak permohonan Badan Peguam Syarie Wilayah Persekutuan (BPSWP) sebagai pencelah dalam kes saman.

"Selepas mendengar hujah pihak terbabit dan menilai kertas kausa difailkan, mahkamah mendapati permohonan pencelah BPSWP tidak bermerit. Namun permohonan MAIWP dan Maij ada merit dan mahkamah membenarkan permohonan tanpa perintah terhadap kos," katanya dalam prosiding secara dalam talian, semalam.

Mahkamah turut menterangkan 20 November ini untuk pengurusan kes.

Pada prosiding semalam, MAIWP diwakili peguam Datuk Zainul Rijal Abu Bakar dan Danial Farhan Zainul Rijal manakala Datuk Mohd Iqbal Salam dan Mohamed Yasser Mohd Yasin bagi

Maj. Peguam Abdul Razak Muhibin dan Nini Shirma Rahmat mewakili BPSWP manakala Amanda Sonia Mathew mewakili plaintif.

Indira dan 13 lain selaku plaintif memfailkan saman pemula pada 3 Mac lepas dengan menamakan kerajaan Perlis, Kedah, Melaka, Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan selaku defendant.

Selain Indira, plaintif lain ialah Pertubuhan Hindu Agamam Ani Malaysia, bekas pengurus Malaysia Hindu Sangam dan *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism* (MCCBCST) S Mohan dan Pengurus Indira Gandhi Action Team D Arumugam serta beberapa penduduk di negeri berkenaan dan mangsa kepada kepada penukaran agama secara unilateral.

Mereka antara lain memohon perisytiharan amalan penukaran agama secara unilateral tidak berperlembagaan dan bertentangan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.

Semua plaintif mendakwa penukaran unilateral berlaku di negara ini dari tarikh keputusan kes Indira terbatal kerana melanggar peruntukan, selain menyatakan dengan keputusan Indira, penukaran agama kanak-kanak bawah umur secara unilateral tanpa kebenaran kedua-dua ibu bapanya adalah tidak berperlembagaan.